

# Turun harga minyak tidak bijak

KUALA LUMPUR 3 Mac - Pakatan pembangkang disifatkan tidak bijak mengurus kewangan negara dengan menawarkan segala-galanya percuma termasuk menurunkan harga minyak petrol biarpun mendakwa langkah itu dibuat demi membantu rakyat.

Pensyarah Perakaunan dan Kewangan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr. Abu Sofian Yaakob** berkata, mereka perlu berhadapan situasi sebenar untuk mengimbangi keperluan pembangunan lain bukan sekadar memperuntukkan sejumlah besar subsidi hanya untuk menurunkan lagi harga minyak petrol.

Jelas beliau, kerajaan ketika ini sudah cukup membantu rakyat melalui peruntukan RM19.46 bilion untuk pemberian subsidi petrol RON95, diesel dan gas memasak (LPG) daripada keseluruhan subsidi RM22.29 bilion yang mengambil kira kepentingan lain dalam usaha memajukan negara.

“Mereka perlu menjelaskan mekanisme, kaedah serta implikasi untuk merealisasikan janji itu supaya rakyat tahu apa rasionalnya jika menikmati penurunan harga minyak petrol.

“Mereka (pakatan pembangkang) harus bijak untuk menggunakan pendapatan negara bagi membantu rakyat keluar daripada kepompong kemiskinan iaitu dengan mementingkan segala aspek pembangunan lain, bukan hanya melabur kepada pemberian subsidi semata-mata,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Rahman mansilas ma-

Beliau mengulas manifesto pakatan pembangkang bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13 seperti menghapuskan cukai eksais kereta, pemberian tol percuma, selain menurunkan caj elektrik dan harga minyak petrol.

Walaubagaimanapun, katanya, rakyat ketika ini sudah pun menikmati harga petrol yang jauh lebih murah daripada negara-negara lain iaitu hanya perlu membayar RM1.90 per liter bagi petrol RON95 berbanding harga sebenar RM2.68 per liter dengan kadar subsidi RM0.78 per liter.

Sementara itu, pensyarah Fakulti Perniagaan dan Ekonomi Universiti Malaysia Sabah (UMS), **Prof. Dr. Syed. Azizi Wafa Syed Khalid Wafa** berkata, peningkatan infrastruktur negara bakal terancam jika mahu menghapuskan tol kerana kerajaan perlu bergerak sendiri tanpa bantuan syarikat-syarikat pengendali sektor itu yang banyak memberikan sumbangan kepada pembangunan negara.

Jelas beliau, tindakan itu sekali gus memberikan kesan kepada kerelaan syarikat-syarikat swasta terbabit di masa depan untuk memasuki perjanjian dalam membantu kerajaan meningkatkan tahap infrastruktur negara?

“Jika tol dimansuhkan bermakna tiada lagi syarikat konsesi yang perlu menjalankan kerja-kerja menyelenggara jalan, menyebabkan kerajaan perlu mengeluarkan wang sendiri.

“Selain itu, hubungan antara sektor kerajaan dan swasta akan terjejas yang mana merupakan kerjasama penting dalam aspek membangunkan negara,” katanya.